

Najib tiada kepentingan kewangan

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Memasuki hari kelima pendengaran rayuan Datuk Seri Najib Razak semalam, panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan diberitahu bahawa Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila menyatakan bekas perdana menteri itu ada kepentingan kewangan dalam SRC International Sdn. Bhd.

Menggunakan pasukan bola sepak Manchester United dan Liverpool sebagai analogi, peguam, Farhan Read menyatakan, Najib selaku perayu hanya boleh dikatakan mempunyai kepentingan sekiranya beliau mendapat ganjaran kewangan.

“Sebagai contoh, perayu yang memang diketahui penyokong kuat Manchester United adalah presiden kelab bola sepak Malaysia dan kelab terbabit sedang berbincang untuk membawa

Fakta perayu mempunyai kepentingan kewangan perlu dibuktikan dan bukan sekadar mempunyai kawalan

FARHAN

masuk pasukan bola sepak dari luar negara untuk ke negara ini. Najib kemudian mencadangkan agar Manchester United dibawa masuk sedangkan pasukan yang handal ialah Liverpool.

“Setelah disiasat, perayu dikatakan membuat pelaburan dalam Manchester United dan akan memperoleh ganjaran yang besar apabila pasukan itu dibawa masuk ke negara ini. Hanya ketika itu, barulah boleh dikatakan Najib mendapat atau mempunyai kepentingan kewangan,” hujah peguam itu.

Menurut Farhan, tindakan dan

kawalan adalah penting bagi membuktikan elemen salah guna kedudukan bagi mendapatkan faedah seperti diperlukan di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 namun elemen kepentingan kewangan juga mustahak.

“Kawalan tanpa kepentingan kewangan hanyalah kawalan semata-mata. Fakta perayu mempunyai kepentingan kewangan perlu dibuktikan dan bukan sekadar mempunyai kawalan,” kata beliau.

Farhan berhujah demikian pada rayuan Najib terhadap sabitan

salah dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta yang dikenakan terhadapnya selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana syarikat SRC International berjumlah RM42 juta.

Tujuh pertuduhan dikenakan terhadap Ahli Parlimen Pekan itu ialah tiga pecah amanah jenayah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan menyalahgunakan kuasa. Terdahulu, seorang lagi peguam Najib, Harvinderjit Singh berhujah, hakim bicara terkhilaf apabila menerima masuk salah satu minit mesyuarat antara Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC International, Nik Faisal Ariff Kamil sebagai bahan bukti.

Minit mesyuarat itu menunjukkan bahawa bekas perdana menteri itu untuk menurut arahnya dan meminta Nik Faisal memindahkan wang RM1.8 bi-

lion ke luar negara. Pada peringkat awal, kemasukan dokumen itu sebagai bukti dibantah pembelaan menyebabkan mahkamah menanda dokumen terbabit sebagai ID499.

Mendengar hujahan tersebut, Hakim Vazeer Alam Mydin Meera bertanya kepada peguam terbabit, adakah dokumen terbabit sangat penting dan pihak pendakwaan bergantung penuh terhadap ID499-Harvinderjit bagaimanapun dilihat tidak memberi jawapan memuaskan.

Sebelum mahkamah berhenti bersidang, Hakim Abdul Karim mengingatkan pasukan pembelaan menepati janji untuk mengulangi hujahan mereka.

Hakim terbabit juga kerap kali menegur pasukan pembelaan agar tidak mengulangi alasan-alasan rayuan yang telah dihujahkan sejak 5 April lalu.

Rayuan bersambung hari ini.